



EVOLUSI DEKAD 70

Program
**KEPIMPINAN
PERPUSTAKAAN**
Siri 7

dan
Majlis Penutup Sambutan Hari Arkib Antarabangsa
Peringkat UiTM 2026

PROF. DATUK TS. DR.
SHAHRIN BIN SAHIB @ SAHIBUDDIN, FASC.
Naib Canselor
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

IMBAS UNTUK
TONTON
SIARAN LANGSUNG

06 JULAI 2026
Isnin

BILIK SEMINAR
Bahagian Arkib
Universiti (BARU)

11.00
pagi

Anjuran:
Jabatan Perpustakaan
Universiti Teknologi MARA

Universiti Unggul Pemacu
Bumiputera Profesional

Peringkat Antarabangsa
Arkib Antarabangsa

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

**Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin Bin Sahib @
Sahibuddin, FASC**



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Bilik Seminar, Bahagian Arkib Universiti (BARU)

6 July 2026 (Isnin), Jam 11.00 pagi

Nama Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin Bin Sahib @ Sahibuddin, FASC
Tajuk Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7
Jangka masa : 2 jam 00 minit

Transkrip:

- 21:44 : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang berbahagia Profesor Datuk Teknologis Dr. Shahrin bin Sahib, Naib Canselor UiTM ketujuh. Kenapa sebut ketujuh? Sebab siri kepimpinan pun ketujuh. Diizinkan pada pagi ini. Yang dihormati Puan Profesor Hajah, baru balik Haji. Timbalan Dekan, Sahabat, Prof. Rashid, rakan-rakan pengarah-pengarah bahagian, saya kena sebutkan datuk, rakan-rakan ahli jawatankuasa pengurusan keselamatan rekod universiti ada bersama dengan kita pada pagi ini. Terima kasih saya ucapkan atas kehadiran.
- 22:43 : Walau bagaimanapun, saya kena kongsi juga bagi datuk, orang-orang yang... yang tak ada lah pelik tapi sebab tentang pengisian program utamanya adalah majlis perasmian penutupan Sambutan Hari Arkib Antarabangsa UiTM pada Jumaat petang yang lepas. Sedikit perubahan kita buat pada program ini di mana saya dan rakan-rakan jumpa dengan datuk petang Jumaat yang lepas untuk kita ubah sedikit program ini, memandangkan yang berbahagia datuk belum pernah sampai ke bahagian arkib ini.
- 23:33 : Tadi sesat juga, jadi kita minta yang berbahagia datuk supaya dapat mengisi ruang program kepimpinan yang Jabatan Perpustakaan lakukan. So kini sudah melangkaui siri ketujuh, jadi saya nak 'Wall of Fame' kan Naib Canselor ini dalam kita punya siri kepimpinan Jabatan Perpustakaan. Jadi yang... yang ganjil, audiens yang ganjil dalam ini, harap begitulah cerita belakangnya. Nanti kan confuse. Tadi MC sebut Prof. Azhar, Prof. Azhar dah sampai dah. Dua rumah lagi dia sampai. Dia sampai kat rumah... kat PTAR sana. Saya kata bukan, buat kat sini. Dia pun tak pernah datang. Itulah soalan kat mana. Jadi insya-Allah dia akan sampai, datuk, 11:45 begitulah untuk sertai Program Perasmian penutupan ini lah.
- 24:35 : Even saya dah tawarkan pada beliau, marilah sama-sama dengar program kepimpinan. Eh tak apa jalan dulu. Tuan-tuan dan puan-puan, insya-Allah memandangkan ada dua program yang... yang kita akan selesaikan pada pagi ini, kata aluan saya ini sekali sahaja. Nanti kan sambutan kan, saya tak payah lah, datuk sahaja lah untuk merasmikan.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Bilik Seminar, Bahagian Arkib Universiti (BARU)

6 July 2026 (Isnin), Jam 11.00 pagi

Nama Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin Bin Sahib @ Sahibuddin, FASC
Tajuk Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7
Jangka masa : 2 jam 00 minit

Transkrip:

- 25:01 : Pertamanya, Alhamdulillah, syukur saya kepada Allah SWT kerana dengan izin-Nya pada pagi ini kita beramai-ramai dapat bersama dalam Program Kepimpinan satu dan juga program Perasmian penutup Hari Arkib yang akan dilancarkan atau disempurnakan oleh Yang Berbahagia Datuk. Seusai sahaja mentera-mentera yang datuk akan berikan dalam tempoh 45 minit.
- 25:37 : Jadi saya fikir rakan-rakan yang ganjil ini, anda bukan kebetulan direzeki kan untuk mendengar bersama. Insya-Allah memandangkan ada manfaatnya. Tuan-tuan dan puan-puan, bagi program kepimpinan, saya serahkan kepada Yang Berbahagia Datuk untuk kita mendengar, tapi saya ingin sedikit fokus kepada program majlis perasmian yang akan disempurnakan. Tentunya mengingatkan saya tentang perjalanan perkembangan pengurusan arkib di universiti.
- 26:11 : Tentu guru saya Prof. Hajah yang ada di sini juga mengajar tentang pengurusan arkib, dan tentunya perkembangan pada hari ini di 13 lokasi tidak membimbangkan hajah tetapi sedang bergerak dengan sangat baik. Jadi untuk itu, tentunya Jabatan Perpustakaan diberi tanggungjawab untuk menguruskan rekod-rekod penting universiti. Dan tentunya rakan-rakan dalam JKPKR, tentu pendirian kita jelas mengikut keutamaan jabatan-jabatan utama dalam memastikan rekod penting universiti ini tidak hilang, apatah lagi perkataan yang sangat menyedihkan jika ia musnah. Jadi tentunya bagi yang pertama kali sampai ke rumah yang cantik saya kira ini, walaupun bunyinya Arkib Universiti tapi dalamnya ala-ala hotel, sejuk ini pun saya dah menggigil.
- 27:15 : Jadi Alhamdulillah, terima kasih. Tentunya saya kepada kepimpinan terdahulu yang berfikir jauh untuk menyediakan sebuah bangunan yang sangat baik, terutama kita UiTM yang mempunyai investasi yang sangat besar. Dan dengan peruntukan sebanyak dua juta, diingat lima tahun, enam tahun yang lalu adalah satu keputusan yang sangat bijak dan sangat strategik untuk universiti.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Bilik Seminar, Bahagian Arkib Universiti (BARU)

6 July 2026 (Isnin), Jam 11.00 pagi

Nama Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin Bin Sahib @ Sahibuddin, FASC
Tajuk Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7
Jangka masa : 2 jam 00 minit

Transkrip:

- 27:46 : Tuan-tuan dan puan-puan, Hari Arkib Antarabangsa ini sebenarnya disambut pada saban tahun. Kalau saya tanya Encik Amiri, kenapa disambut? Apa asal-usulnya? Tuan-tuan, ia dilakukan oleh International Council on Archives (ICA) pada 9 Jun 1948 di bawah naungan UNESCO. Tentunya bukan kita taksub dengan peringatan tersebut, tetapi adalah untuk melihat perkembangan demi perkembangan. Untuk itu, pada tahun lepas, saya tak ingat tarikh tapi saya ingat bulan sahaja, November 2025. Alhamdulillah, Yang Berbahagia Datuk, antara satu pencapaian yang baik untuk universiti kita adalah apabila kita dianugerahkan Safety Excellent Premier Award, boleh bayang begitu. Yang saya terima daripada... yang disampaikan oleh Datuk Nan pada ketika itu Presiden CUEPAC di Putrajaya. Itu antara yang diperolehi oleh Pengurusan Arkib ataupun organisasi arkib di UiTM ini. Dan tentunya saya masih lagi sebagai... Datuk, terawang-awang pencapaian yang saya laporkan pada datuk Jumaat yang lepas.
- 29:17 : Kalau datuk nak ulas, nanti datuk boleh ulas lanjut. Saya nak sebut sebagai menutup dengan awang-awang sangat. Rakan-rakan sekalian. Tuan-tuan, puan-puan. Pada Jumaat yang lepas, saya kemas kini pada Yang Berbahagia Datuk Naib Canselor, kita memperoleh satu lagi pencapaian yang sangat signifikan, kerana kerajaan telah mengiktiraf danewartakan tentang satu kefungasian yang dipanggil Entiti Yang Diberi Kuasa (EYDK) dalam Akta 332 berkaitan dengan peralihan buku-buku bagi golongan-golongan Braille. Prof., saya yakin guru saya mesti boleh bayang, Amiri dia macam blur je lah apa benda tu kan.
- 30:12 : So kita tahun lepas, saya ingat 2024, kita melakar satu sejarah Malaysian Book of Records untuk integrate 250 buku yang normal ke bahasa Braille. Jadi daripada situ, ia berpanjangan kenikmatannya. Dan hari Jumaat lepas, saya fikir hari yang mulia, kita diwartakan dan diiktiraf oleh kerajaan, bahawa dalam Malaysia hari ini hanya ada Persatuan Sosial Buta Malaysia yang diberikan EYDK itu, Prof., National Library, Pustaka Negeri Sarawak, dan kita yang keempat.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Bilik Seminar, Bahagian Arkib Universiti (BARU)

6 July 2026 (Isnin), Jam 11.00 pagi

Nama Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin Bin Sahib @ Sahibuddin, FASC
Tajuk Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7
Jangka masa : 2 jam 00 minit

Transkrip:

- 30:56 : Which means kalau Perpustakaan Akademik Universiti Awam, kita adalah yang pertama. Jadi Alhamdulillah, jadi saya ingat itu yang terbaru antara pencapaian yang kita buat. Apa pun saya ucap terima kasih, ambil peluang untuk... kalau lah orang ILD ada di sini, mesti tentu saya perlu ucap terima kasih kerana sangat memainkan peranan dalam memastikan pengurusan arkib ini digerakkan dengan sangat baik. Kita ada tenaga kerja (manpower) tapi kalau tidak ada bakat (talent), tiada gunanya, sebab dia pun terawang-awang juga apa dia nak kena buat. Jadi saya harus berterima kasih kepada Prof. Yarina dan rakan-rakan di ILD yang menyediakan dua slot, dan juga rakan-rakan PTJ semua bersedia menghantar untuk memandaikan staf kami tentang KF, tentang... apa saja ICG, tentang apa istilah-istilah yang diguna pakai, tentang DDMS dan sebagainya. Saya fikir bukan... bukan mudah Prof. Saya nak cakap, nak mengadu kat guru ni, bukan mudah.
- 32:08 : Dulu belajar macam senang, bila praktikal then... nak kena pula. Guru saya, dia tak cakap pula UiTM ni besar. Dia tak cakap. Pasal nak pastikan semua pegawai pengelas hadir kat ILD tu ialah sesuatu yang saya fikir gambar itu... gambar yang saya perlukan menggambarkan kehebatan UiTM ini. Tahniah saya ucapkan sekali lagi kepada Pengarah Arkib, Encik Amiri yang hari ini dia bertanggungjawab untuk perkara tersebut. Tuan-tuan, Puan-puan, tema sambutan pada tahun ini pun agak sangat signifikan, 'Archives for Justice' yang saya ingat depan belakang itu 'Future', sebelum itu 'Right', tengah-tengah itu 'Memory'. Jadi ada tiga kata kunci (keyword) yang perlu difikir-fikirkan untuk pelan tindakan (action plan): 'The Right', 'The Memory', and 'The Future' untuk pengurusan arkib ini.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Bilik Seminar, Bahagian Arkib Universiti (BARU)

6 July 2026 (Isnin), Jam 11.00 pagi

Nama Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin Bin Sahib @ Sahibuddin, FASC
Tajuk Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7
Jangka masa : 2 jam 00 minit

Transkrip:

- 33:11 : Saya percaya bahawa tuan-tuan, puan-puan, ya kita dalam keadaan landasan yang sangat baik. Sudah tentu tentang pendigitalan. Itu kita tidak perlu risau, insya-Allah. Malah kita pun hari ini menerajui untuk pengurusan arkib universiti awam. Nak mengadu juga kat guru ni, yang diri ini dia pengerusi pengurusan arkib universiti awam. Jadi kalau tak tahu, esok saya tanya balik guru lah, mana tahu terlupa. Jadi Alhamdulillah tentang pendigitalan kita agak mendahului (leading) dalam Malaysia. Dan tentunya rekod-rekod ini perlu sebagai kesahihan, sebagai kepercayaan, integriti. Pasal Encik Amiri, saya ada ini, integriti dan juga kebolegunaan (usability). So empat prinsip ini sebenarnya maksudnya semua perlu terima arkib universiti awam. Jadi saya yakin bukan untuk sekadar menerima anugerah, walaupun dah nampak orang ini dapat anugerah apa, orang ini dapat anugerah apa, tapi adalah untuk... ini yang dikatakan rezeki terutama yang ganjil untuk sama-sama kita dengar siri kepimpinan yang akan disampaikan oleh datuk sebentar, dan seterusnya kita akan mulakan majlis perasmian. Untuk itu terima kasih semua. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.
- 35:13 : Majlis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berusaha Tuan Teknologis Haji Azizi bin Haji Jantan, Ketua Pustakawan UiTM atas ucapan alu-aluan sebentar tadi. Hadirin yang dihormati sekalian, majlis diteruskan dengan tayangan montaj yang memaparkan sorotan perjalanan siri program Kepimpinan Perpustakaan yang telah dilaksanakan bermula pada tahun 2025 hingga kini. Sama-sama kita saksikan.
- 36:33 : Hadirin yang dihormati sekalian, majlis diteruskan dengan sesi ceramah Program Kepimpinan Perpustakaan yang bertajuk Kepimpinan Berimpak Tinggi Menerajui Kecemerlangan Universiti.

Tinggi menjulang pohon cendana,
Tempat berteduh si anak rimba;
Kepimpinan berwibawa pencetus makna,
Memacu UiTM terus berjaya.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Bilik Seminar, Bahagian Arkib Universiti (BARU)

6 July 2026 (Isnin), Jam 11.00 pagi

Nama Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin Bin Sahib @ Sahibuddin, FASC
Tajuk Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7
Jangka masa : 2 jam 00 minit

Transkrip:

- 36:55 : Sehubungan itu, majlis dengan penuh takzim menjemput dan mempersilakan Yang Berbahagia Profesor Datuk' Teknologis Dr. Shahrin bin Sahib, Naib Canselor Universiti Teknologi MARA untuk menyampaikan ceramah. Dengan segala hormatnya dipersilakan.
- 37:22 : Terima kasih kepada saudara pengacara majlis. Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillah. Alhamdulillahirabbilalamin. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang saya hormati sahabat saya Profesor Doktor Teknologis Norazah PNC (Penyelidikan dan Inovasi) sedang mengira hari. Rasa dia cuti hari ini, tapi datang. Yang berusaha, Teknologis Tuan Haji Azizi Haji Jantan, Ketua Pustakawan.
- 38:08 : Tak lupakan juga Tuan Rumah Tanah Kedaung ini orang-orang kata. Yang berusaha, Encik Ahmad Amiri, sahabat selaku Pengarah Bahagian Arkib. Yang kadang-kadang yang dapat hadir bersama dan jawatankuasa, Ketua-Ketua Pustakawan Cawangan, Pengarah-Pengarah Bahagian Perpustakaan, Wakil-Wakil Pusat Tanggungjawab. Juga penerima anugerah warisan warga juga seterusnya warga Jabatan Perpustakaan, hadirin-hadirat yang saya hormati sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani, Salam UiTM di hatiku.
- 38:42 : Alhamdulillah pertamanya sebelum saya pergi lanjut. Fail ini. Ha, fail. Tak cukup spesifikasi (spec). Apa kurangnya? Saya belum sempat lagi nak buat satu pekeliling (circular), saya sedang membina dasar sebenarnya. Ha, sedang diusahakan oleh pihak BHI dengan adiwangsa.
- 39:05 : Bukan. Ha, ini kalau tak ada jawab, saya baling dengan mic ini. Apa yang kebangki? Sekarang bulan apa? Ha, bila, bila, bila tanya bulan ini kalau tak jawab Jun, jawab Muharam. Jadi, tarikh hijri ini perlu diperkasakan. Saya ada sedia bahan, tak tahu sempat, Rizal tak bagi? Sempat eh? Tapi sebelum saya pergi ke situ, saya nak takut dalam ucapan rasmi ke tak sempat nak ulas lah. Tema hari arkib tahun ini adalah 'Archives for Justice'.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Bilik Seminar, Bahagian Arkib Universiti (BARU)

6 July 2026 (Isnin), Jam 11.00 pagi

Nama Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin Bin Sahib @ Sahibuddin, FASC
Tajuk Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7
Jangka masa : 2 jam 00 minit

Transkrip:

- 40:00 : Agak-agak anda macam mana nak kaitkan? Apa kena-mengena arkib dan keadilan. Agak-agak ada penjelasan tak di situ? Arkib adalah keadilan. 'It's for justice'.
- 40:25 : Tuan-tuan, setiap daripada diri kita ini ada arkib. Setiap. Dalam ilmu Allah, boleh tak Allah tak arkibkan? Kenapa kena diarkib? Kenapa perlu hari pembalasan itu dibuka rekod? Kenapa? Itu dah tema dia. 'Archives is for justice'. Tuan-tuan, dia bukan sahaja berkaitan dengan kitab amal manusia yang akan diberikan tangan kanan, tangan kiri. Suara kita semua akan... Saya bercakap bersama. Kita akan berhadapan dengan waktu dan ketika itu. Cumanya dalam konteks kita berada di muka bumi ini.
- 41:23 : Contoh, saya ambil contoh. Adakah orang Melayu ini berperang dengan Portugis itu? Kalau dulu lah kita dimomokkan hanyalah dengan tombak dan keris. Betul tak betul itu? Tidak. Kita juga dimomokkan bahawa dalam sejarah ketamadunan Melayu, orang Melayu tidak ada arkib dan tidak direkod. Adakah betul kenyataan itu? Kita juga dimomok dengan pelbagai teori kenapa orang Melayu ini Islam. Satu, satu istilah dia kata kita menganut agama Ibrahimi Ibadi.
- 42:08 : Kedua, belum masuk ke? Dia tukar slaid itu. Ini mukadimah dulu. Kita juga dimomok tentang bahawa orang Melayu ini agamanya Hindu dan Buddha. Tetapi menjadi satu cabaran besar adalah untuk sejarah tanah Melayu sejak daripada 1500 adalah untuk merakit mana arkibnya, mana penulisannya dan mana buktinya untuk membuktikan keadilan tentang sejarah Tanah Melayu. Tuan tuan, hari-hari di Negeri Selangor ini dikibarkan satu bendera. Tuan-tuan pernah tengok bendera Australia tak? Macam tak ramai lah dah pergi Australia ini.
- 42:59 : Hafizi je angguk, sebab dia kaji berjalan agaknya. Apa yang ada di bucu ini? Bendera New Zealand. Sama. Apa yang ada di bucu bendera Selangor? Tadi bendera Union Jack ada kat bendera New Zealand dengan bendera Australia. Soalan saya, apa yang ada di bucu bendera Selangor? Anda lupa dah bendera Selangor? Kalau saya ulang soalan.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Bilik Seminar, Bahagian Arkib Universiti (BARU)

6 July 2026 (Isnin), Jam 11.00 pagi

Nama Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin Bin Sahib @ Sahibuddin, FASC
Tajuk Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7
Jangka masa : 2 jam 00 minit

Transkrip:

- 43:41 : Kalau di bendera New Zealand dan Australia ada bendera Union Jack, bendera Union Jack ini bendera siapa? British. British ini dia ada apa? Kenapa dia pakai? Sebab ada Komanwel (Commonwealth). Soalan saya balik semula. Itu dah bagi bayangan (clue) dah. Tadi saya tanya ada apa di penjuru kanan. Sekarang saya ubah soalan.
- 44:07 : Bendera apa yang ada di penjuru kanan Negeri Selangor? Bulan Bintang itu bendera siapa? Saya ubah soalan. Kalau di bucu bendera Australia dan New Zealand ada bendera British Commonwealth, apa bendera yang ada di bucu dalam bendera Selangor? Turki Uthmaniyyah. Hari-hari kau lalu. Tuanku siap naikan paling tinggi lah. Tapi itulah arkib sejarah dalam bentuk sebuah bendera yang menceritakan sejarah bangsa. Tetapi ditelan zaman, maknanya hilang.
- 45:09 : Cuba buka balik tengok bendera Turki rupanya macam mana. Ataupun ambil bendera Selangor, potong, potong. Tinggal bendera apa? Bendera Turki. Tuan-tuan, 'Archives for Justice' ini, dia bukan sahaja menceritakan tentang pengarkiban. 'It's not about archiving'. Itu yang hari Jumaat jumpa saya itu, itu yang kerja baru dia dapat itu. Yang sini, yang sana, yang semua lah. Kalau maklumat disimpan hanya diarkib, dia tidak datang penceritaan, naratif dan pembuktian sejarah dan penghasilannya. Dia harus dilihat dengan makna.
- 45:57 : Dan dia harus dianalisa kalau istilah bahasa modennya. Kerana maklumat yang disimpan begitu, dia tidak mendatangkan apa-apa natijah mahupun kefahaman sehingga dianya diberi makna. Kerana sejarah Tanah Melayu ini bermula bukan daripada kemerdekaan kita yang hampir 70 tahun. Tuan-tuan, begitulah juga. Contoh, saya ambil satu kiasan ataupun mungkin secara langsung. Saya kecil-kecil, sebelum saya sampai ke Candi Borobudur. Okay. So Candi Borobudur itu candi apa? Untuk agama apa? Itulah kau orang ini semua.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Bilik Seminar, Bahagian Arkib Universiti (BARU)

6 July 2026 (Isnin), Jam 11.00 pagi

Nama Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin Bin Sahib @ Sahibuddin, FASC
Tajuk Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7
Jangka masa : 2 jam 00 minit

Transkrip:

- 46:49 : Sesat. Kerana saya juga berfahaman begitu. Menyangkakan bahawa Candi Borobudur adalah candi Hindu. Candi Borobudur bukan candi Hindu, tuan-tuan. Dia adalah candi Buddha. Oh, kena bagi markah lah jawab dua kali betul ini. Terima anugerah tak ini? Dia dibina oleh siapa? Di bawah kerajaan mana? Ini saya kata kalau sejarah disimpan, diarkib, dia tidak didatangkan makna dan tidak diturunkan. Sejarah mulut itu sejarah bertulis dua, tapi yang lebih penting adalah memberi makna kepada sejarah itu.
- 47:38 : Itulah timbul persoalan. Pertama, di mana candi Hindu kalau kita kata orang Melayu ini Hindu? Kita kata, oh dah roboh kot. Kenapa pula? Borobudur lagi pula ada gunung berapi tu. Elok je dia. Dan semua sejarah kalau kita ambil di Semenanjung yang jumpanya agaknya patung Hindu ke patung Buddha? Jawapannya patung Buddha. Tuan-tuan, saya tidak nak mengarah ke situ. Saya nak tuan-tuan fikir lah. Kerana apa, dia tersangat kait rapat dengan anutan dan juga budaya dan bahasa yang kita pakai sampai hari ini. Sampai hari ini.
- 48:27 : Jadi itulah yang saya kuizkan, perkataan perpustakaan ini datang daripada perkataan pustaka. Pustaka itu asal bahasanya apa? Itulah. Itu soalan lain ini. Soalan lain ini. Sebab dah tanya, dia dah cari jawapan. Dia pandai nak jawab. Orang kata hebatnya ketua pustakawan kita ini. Sebab dia dah tak dapat jawab soalan nombor dua. Maka kedua-duanya menceritakan sejarah yang berbeza. Perkataan pustaka dan kutub khana. Satunya Parsi. Satu lagi apa? Tuan-tuan, bahasa Sanskrit ini senang tuan-tuan.
- 49:10 : Kerana dia ringkas dan pendek. Contoh: Suka, duka, raya, maha, dewa. Semua dua harakat je. Tapi dia memberi makna yang besar. Dia kalau dia canggih, dia jadi perkataan macam mana? Cakrawala. Cakra, dua juga. Cakrawala. Tuan-tuan kalau mengkaji bahasa, Alhamdulillah hari ini kerana benda itu dah diautomasikan dalam bentuk pendigitalan, jadi ada kamus dalam talian (online).



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Bilik Seminar, Bahagian Arkib Universiti (BARU)

6 July 2026 (Isnin), Jam 11.00 pagi

Nama Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin Bin Sahib @ Sahibuddin, FASC
Tajuk Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7
Jangka masa : 2 jam 00 minit

Transkrip:

- 49:50 : Kalau tuan-tuan rasa cuak kan, buka aje lah kamus Sanskrit tu. Dan itulah antara berbalik kepada arkib. Itulah 'for justice'. Bayangkan kita belajar yang membuka Melaka itu, siapa namanya? Parameswara. Prof. Azhar yakin? Sebagai warga rakyat Muar? Tuan-tuan, kalaulah Parameswara itu jawapannya, samalah kalau saya tanya siapa buka Negeri Selangor? Atau siapa yang memperkasakan kerajaan Johor? Siapa yang memperkasakan kerajaan Pahang? Perumpamaan menjawab, dianya dibuka oleh Parameswara. Samalah kalau tuan-tuan jawab, yang buka Negeri Selangor adalah Duli Yang Maha Mulia.
- 50:57 : Berhenti kat situ. Sebab makna Parameswara dalam bahasa Sanskritnya Paraveswara maknanya Duli Yang Maha Mulia. Siapa timbul pula teori? Saya bukan ahli sejarawan tuan-tuan. Hanya minat membaca dan minat memerhati, suka bertanya. Dapat jawapan di Sri Lanka kerana rajin bertanya. Adalah gelaran-gelaran kepada Duli-Duli Tuanku. Satu teori timbul, dia kata Parameswara ini lebih daripada satu. Saya pernah baca satu artikel.
- 51:39 : Dia kata Parameswara ini lebih daripada seorang. Kita pun percaya juga lah, sebab kita pun maklum. Contohnya Tuanku Agong sekarang ini namanya... tak boleh kalau tak jawab ini, kacau. Tuanku Agong kita sekarang ini. Sultan Ibrahim bin... bin... bin... Ha, Sultan Ibrahim. Saya itu je nak jumpa, nak jumpakan tu. Memang tradisi pula Tuanku-Tuanku, nama-nama Tuanku ini diulang-ulang.
- 52:15 : Jadi kita percaya lah pada teori tu Parameswara ini lebih daripada seorang. Tapi sebenarnya dia adalah gelaran Duli Yang Maha Mulia. Adakah dia bercanggah dengan Islam? Kalau tuan-tuan baca makna Sanskritnya, dia memberi atribut kepada raja-raja adalah turunnya ataupun mewakili Tuhan. Adakah lepas ini kita nak buang gelaran tu? Tidak. Mengatakan itulah sejarah. Macam saya nak nyatakan tadi, seperti mana juga bendera Selangor berkibar sehari-hari.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Bilik Seminar, Bahagian Arkib Universiti (BARU)

6 July 2026 (Isnin), Jam 11.00 pagi

Nama Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin Bin Sahib @ Sahibuddin, FASC
Tajuk Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7
Jangka masa : 2 jam 00 minit

Transkrip:

- 52:59 : Walaupun mungkin ada yang akan menyanggah pandangan ataupun pendapat saya dari segi sejarah bendera itu, tetapi buktinya jelas. Seperti mana juga bulan dan bintangnya ada pada bendera Negeri Johor kerana bintangnya bulan pecah, bintangnya pecah lima. Tuan-tuan, saya dah bagi 40 minit. Belum masuk lagi. Antara bezanya bintang pecah lima, pecah enam dan pecah lapan. Ada sejarahnya sendiri. Maka yang dipakai sebagai syiar Islam ini, bintangnya pecah lapan. Walaupun bendera Turki memakai bintang pecah lima.
- 53:44 : Dan kita, kerajaan Melayu lama, pakai bintang pecah lima. Ini bukan zaman Madani je macam ini tau. Lima ini membawa maksud banyak perkara. Okey, antaranya rukun lah, lima waktu solat, macam-macam. Tuan-tuan, mukadimah itu sekadar nak mengupas tema. Arkib itu, 'archives' itu 'for justice'. Kerana hanya dengan rekod lah kita boleh buktikan sebenarnya apa sebenarnya yang telah berlaku dan direkodkan. Cuma keduanya, adakah semua yang direkodkan itu benar-benar menceritakan keadaan yang berlaku.
- 54:34 : Tanpa mencemar, merendahkan mana-mana tokoh. Saya ambil petik satu, contohnya Munshi Abdullah. Kita kata dia bapa sasterawan. Soalan saya, dia bekerja untuk siapa? Tuan-tuan tahu tak Injil pertama yang dalam Jawi, balik kepada kita memperkasakan Jawi tadi. Ditulis oleh Munshi Abdullah. Kenapa saya berani cakap? Kerana ada arkibnya disimpan di London. Tuan-tuan boleh muat turun (download) lagi ini. Dalam Jawi asal, boleh dibaca.
- 55:20 : Nama tajuknya, dia tulis dalam Jawi: Kitab Injil yang Kudus. Kerana apa? Ada arkib. Maka kita tahu lah sebenarnya dia bekerja makan gaji. Maka terpulanglah kepada bosnya apakah hasil tulisan yang tidak ditulis. Pasti dia juga ada karakter sebagai seorang Islam. Seorang Melayu beragama Islam. Jadi itulah yang saya mulakan nak bergerak kepada 'high impact leadership'. Inilah hasil daripada notebook LLM Prof Azhar. Saya yang fakir lagi miskin. Kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Ini kais tadi, sekejap je. Sebelum datang tadi, kais. Al-maklum teknologi hari ini, kais-kais dalam sekitar 10 minit, dia keluar lah.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Bilik Seminar, Bahagian Arkib Universiti (BARU)

6 July 2026 (Isnin), Jam 11.00 pagi

Nama Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin Bin Sahib @ Sahibuddin, FASC
Tajuk Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7
Jangka masa : 2 jam 00 minit

Transkrip:

- 56:15 : Jadi kalau ada sebarang kekurangan, tuan-tuan kata, tak ada pun Jawinya sebab itu je yang saya sempat tulis. Okay. 'Please generate a slide with UiTM logo at the top.' Itu je. Kalau saya tambah lagi arahan tadi, sempat lah. 'Make sure ada hijri date. Make sure Qur'anic verse je.' Keluar lah. Tak sempat. Tak dengan sama yang saya buat tadi, masa Hafiz tengah jumpa saya tadi. Kalau Encik Hafiz perasan lah saya, apa benda yang saya sibuk main telefon tadi kan.
- 56:44 : Inilah tadi Hafiz. Sambil-sambil kau bawa kes yang ada banyak tadi, 28. Tipu. 28 tu tipu. Sebagainya tak boleh. Dalam 28 tu ada 17 orang. Yang 17 tu tak dikira. Betul tak Hafiz? 29 campur 17. Okay. So apa yang saya akan kongsikan dalam masa yang sangat terhad. Tuan-tuan, kita bercakap tentang 'leadership', kepimpinan. Okay next. Itulah, saya beri arahan perasan dalam bahasa Inggeris. Dia kalau dalam bahasa putih pula, patutnya saya beri arahan cakap Melayu tadi. Okay. Teruskan. 'Next slide please'. Oh tak bergerak pula.
- 57:31 : Macam biasa kan? Itu pengalaman tu kan? Rupanya aku juga kena buat. Bukan... bukan UiTM lah, tempat lain. Apa yang saya nak nyatakan di sini adalah memang saya kena ceritakan macam mana terhasilnya slaid ini. Inti asal idea daripada saya lah. Apa yang saya nak mintakan dalam... dalam laman AI ini, arahan (prompt) yang penting. Ilmu bertanya. Okay. Jadi saya prompt kat Chat GPT. Dapat asal kat GPT, saya masukkan nombor LLM. Okay. Jadi dalam 'beyond administrative duty' ini, apa yang ingin saya sampaikan adalah semua orang akan melihat. Saya akan guna konteks arkib eh pada hari ini.
- 58:21 : Arkib seperti mana yang kita buat jenaka (joke) saya sampaikan tadi. Oh ini muka arkib kan? Maknanya apa? Benda koleksi, benda cerita, benda lama, simpan buku dah berhabuk-habuk. Fail dah kuning, kan? Seolah dia tidak memberi makna dan tidak menunjukkan kepentingan. Tetapi kedudukan (ranking) arkib kita nombor berapa Tuan Haji? Dunia nombor 28, Prof. Azhar. Kita sibuk-sibuk masuk QS 549, 20 subjek QS kita, kan? Bangga dapat 200 lebih.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Bilik Seminar, Bahagian Arkib Universiti (BARU)

6 July 2026 (Isnin), Jam 11.00 pagi

Nama Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin Bin Sahib @ Sahibuddin, FASC
Tajuk Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7
Jangka masa : 2 jam 00 minit

Transkrip:

- 59:00 : Yang nombor 28 ini tak pernah pula kita meloncat-loncat, nyanyi-nyanyi tu. Adakah dia mudah nak capai begitu? Jawapannya tidak. Nak menceritakan betapa telah dibudayakan dalam institusi keramat ini satu budaya perekodan. Ajib tak ajib saya sebagai Naib Canselor yang ketujuh tadi... Diberi file saya waktu saya pelajar. Itulah kita pada pengerusi, kita jumpa KSU yang baru. Tuan-tuan dia punya excited tu dia tu ambil di mana?
- 59:38 : Saya nak tunjuk kat my darling ni dia kata. Gambar dia banyak rambut lagi. Nilai maklumat itu berbeza-beza mengikut siapa yang menggunakan maklumat. Nilai maklumat itu berbeza-beza mengikut siapa yang menggunakan maklumat. Perspektifnya berbeza dan memberi nilai yang berbeza-beza. Orang yang menjadi curator penyimpan maklumat, mungkin pada dia waktu itu, ini kerja aku, cukup bulan masuk gaji.
- 1:00:06 : Tapi sebenarnya apa maklumat yang ada di jarinya itu sangat-sangat berharga. Bayangkan Tan Sri pengerusi kita mendapat kembali surat tulisan tangannya sendiri kepada UiTM. ITM waktu itu memohon pengurangan yuran dalam file. Tak ternilai itu jawapannya. Apa nilainya? Tidak ternilai. Tuan-tuan, itulah perlu kita lihat apa yang kita nak disebutkan dalam set mudah ini.
- 1:00:42 : Okay. Itu surah An-Nisa lah. Itulah sebab tak suruh dia cakap Arab, sebab dia cakap putih. Okay. Indeed Allah commands you to render trust to whom they are due. Okay. And you judge between people to judge with justice. Ada belakang agama. Agak-agaknya ayat dia ber-Arab, dia apa bunyinya? Nah jadi. Jadi. Kat sini tuan-tuan ada dua keyword utama. Okay. Macam, macam, macam tahu nak ulas itu. Tapi padahal ilham itu datang tadi. Itulah. Allah tempatkan begitu sebab Allah yang mengetahui. Betapanya amanah. Okay. Kalau amanah itu diterjemahkan kepada sifat manusia, apakah sifat itu? Kita amanah jugalah. Tidak.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Bilik Seminar, Bahagian Arkib Universiti (BARU)

6 July 2026 (Isnin), Jam 11.00 pagi

Nama Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin Bin Sahib @ Sahibuddin, FASC
Tajuk Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7
Jangka masa : 2 jam 00 minit

Transkrip:

- 1:01:54 : Balik pada cerita perekodan Raqib dan Atid itu. Apa yang dia rekod? Amanah lah. Okay. Maka di tengah-tengah itu. Okay. Bila kita melaksanakan amanah. Okay. Maka salah satu perkara yang terkait dengan amanah itu adalah perekodan. Prof. Azhar dia angguk-angguk kan. Baru balik Indonesia nak cukup keynote. Kenapa nak cukupkan keynote? Professor Amir gelak kat situ. Sebab dia tahu ceritanya.
- 1:02:38 : Kerana salah satu syarat Okay. Untuk menjawab Profesor Kanan. Ada satu jumlah international keynot yang perlu dilaksanakan. Okay. Professor Amir kata, ini tak cukup bukti. Ataupun, ada bukti ni. Tak cukup kuat. Saya pun jangan beritahu dengan Prof. Azhar. Prof. Azhar tambah lah lagi. Walaupun surat naik pangkat dah dapat. Memperkukuh rekod. Mengulang amalan bagi meyakinkan lagi perekodan. Pandang orang balik-balik haji. Pengalaman hajinya macam mana. Tetapi apa yang nak ditunjukkan di sini antara kaitan amanah dan adil.
- 1:03:25 : Dan di tengah-tengah ni jadi cerita rekod. Arkib. Dan amanah itu diterjemahkan kepada seorang Islam. Apa tanggungjawabnya Dr. Yati? Kalau manusia tahap kehidupannya mula-mula dia kalau dia mati ditunggu mak dia di syurga. Dengan ayah dia. Janin lah. Okay. Lahir. Okay. Peringkat pertama dia meningkat adalah apa yang dipanggil mumayyiz. Betul? Apa maknanya mumayyiz? Membezakan antara baik dan buruk, kotor dan bersih. Adakah dia berdosa? Dia tak berdosa.
- 1:04:16 : Bila dia berdosa? Bila dia balik, apakah gelarannya? Bukan mubaligh. Mukallaf. Mukallaf. Itu bila sekolah agama di mana? Mukallaf itu datang daripada perkataan taklif. Apa ayat yang famous? Kalau tuan-tuan stres, susah-susah kata amal dengan ayat ini. Maka Allah akan angkat susah itu. Ataupun akan diberi kekuatan untuk mengalih kesusahan itu. Surah Al-Baqarah. Ayat yang last. Dia mula dengan lah pulak. "La yukallifullah munafsan illa hus'ah." Yukallif itu adalah taklif mukallaf. Kalau dia lihat terjemahannya, dia kata beban. Tapi sebenarnya dia adalah beban membuat keputusan. Sebab tu manusia dihukum syurga dan neraka.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Bilik Seminar, Bahagian Arkib Universiti (BARU)

6 July 2026 (Isnin), Jam 11.00 pagi

Nama Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin Bin Sahib @ Sahibuddin, FASC
Tajuk Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7
Jangka masa : 2 jam 00 minit

Transkrip:

- 1:05:32 : Kerana beban membuat keputusan itu adalah kita. Adakah haiwan mukallaf? Tidak. Adakah jin mukallaf? Tidak. Ya. "Wa ma khalaqtul jin nawal ins illa liya' gudun." Sama juga surah Ar-Rahman. "Fa bi'ayyi ala'i rabbikuma tukazziban." Dua makhluk yang Allah tanya. Jin dan manusia. Jadi balik kepada naratif yang kita bawa di sini adalah kalau kita melihat kepimpinan sebagai hanya professional competence. Dia boleh mengurus? Boleh. Ada data strategi human capital aspect lah kat sana.
- 1:06:24 : Takrifan dia. Kemudian kalau kita bergerak di sini elemen yang berkaitannya adalah spiritual integrity. Wisdom dan divine ethics. Yang saya nak kaitkan di sini adalah keperluan kita sebagai organisasi. Tajuk hari ini yang berceritakan tentang universiti kita ini. Leadership yang macam mana yang kita perlu. Okey. Hadis Nabi. "Qul lukum ra'in wa qul lukum mas'ulin." Setiap daripada kita adalah pemimpin. Okey. Itu di situ ada dua istilah juga. Satu mas'ulin.
- 1:07:07 : Mas'ul. Okey. Kalau orang dulu zaman-zaman saya lah budak-budak sekolah, budak-budak UiTM zaman dulu kan. Okey. Kononnya nak panggil dalam usrah ni kan. Ketua dia panggil apa? Nakib, Usrah ataupun lbah. Okey. Atas kiri dia panggil apa ni? Mas'ul. Kita ni agak tak pandai kan main sebut je kan. Tapi makna mas'ul dia tadi sama juga perkataan makallaf tadi. Walaupun dia berbeza tetapi dia berkait tentang kebertanggungjawaban. Okey.
- 1:07:48 : Kepimpinan dan kebertanggungjawaban. Setiap orang itu pemimpin. Dia memimpin. Dan dia dipertanggungjawabkan tentang apa yang dipimpin. Itu konsep. Dari kiamat, tanya empat soalan, tak akan bergerak. Sehingga empat soalan, yang terkandung dalamnya lima, baru kita boleh bergerak. Berinjak depan Allah Ta'ala. Okey, seterusnya. Bagi warning saya, bila nak kena berhenti. Nak cuba orang picik lagi. Aku pun picik. Okey. Ini notebook LM lah punya kerja ni. Saya masukkan saja apa yang chatgpt bagi.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Bilik Seminar, Bahagian Arkib Universiti (BARU)

6 July 2026 (Isnin), Jam 11.00 pagi

Nama Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin Bin Sahib @ Sahibuddin, FASC
Tajuk Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7
Jangka masa : 2 jam 00 minit

Transkrip:

- 1:08:30 : Okey. Tiba-tiba dia keluar macam ni. Bukan saya suruh. Tapi dia jadi. Berbetulan, cirinya juga adalah berpaksi lapan. Ingat tuan-tuan, saya kata tadi, bintang pecah lapan. Right? So, bermula dengan accountability (amanah), vision (wawasan), knowledge (ilmu), consultation (syura), integrity (ehsan). Build Team. (Bina pasukan), sinergi, dan juga innovation atau inovasi. Tuan-tuan, tiap satu ni ada nas je. Okey.
- 1:09:08 : Dari segi konsep, leadership, kepimpinan, ingat ni, setiap daripada anda, kalau baca hadis yang sama tadi kan, dia cerita pasal perempuan apa, Dr. Yati? Hadis pasal kepimpinan tadi. Dia tidak cerita pasal lelaki belakang, dia cerita perempuan. Google lah balik hadith tu. Menyatakan bahawa kita jangan menyangkakan kepimpinan tu VC, Ketua Pustakawan, kan, Pengarah, kan, Timbalan Pendaftar kanan ke, Dekan. Leaders are all of us. Itulah hadith tu kata.
- 1:09:48 : Setiap daripada kita adalah pemimpin dan akan dipertanggungjawabkan tentang apa yang kita pimpin. Dalam konsep mekalaf tadi, you are responsible for the decision you make. Sebab itulah saya, antara yang saya susah dan stress, saya kena cakap dekat Hafiz. Saya, saya, saya tahu saya stress waktu bila, itu menghadap Hafiz tu lah. Kalau orang baca body language, saya akan duduk tegak, tegak, sebab mahu membuat satu keputusan. Ini tata tertib ke tidak? Ini peringatan ke tidak? Ini tambah siasat lagi ke tidak? Tuan -tuan itulah amalan saya, bukanlah saya ni wali keramat ke apa, tidak. Punya takut, punya pasal.
- 1:10:38 : Hafiz dia tahulah amalan saya. Sebelum sign tu, apa aku buat Hafiz? Dia tak hirau pun. Saya akan duduk sekejap. Bismillahirrahmanirrahim. Itu je saya suruh. Terus terang cakap, kalau hati saya gerak, saya letak dulu. Hafiz memang perasaan lah, dah banyak kali bawa kes kat saya. Kalau hati saya, kita tengok dulu. Kalau saya delay tu, adalah gerak hati saya yang lain. Kerana apa tuan-tuan, kalau kita berkeyakinan dengan ilmu. Yakin dengan ilmu. Itu saya bagi tips saya, mentera saya. Yakin dengan? Yakin dengan usaha. Okey. Tapi, jawapannya berusaha dengan yakin. Jangan yakin dengan usaha.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Bilik Seminar, Bahagian Arkib Universiti (BARU)

6 July 2026 (Isnin), Jam 11.00 pagi

Nama Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin Bin Sahib @ Sahibuddin, FASC
Tajuk Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7
Jangka masa : 2 jam 00 minit

Transkrip:

- 1:11:45 : Okey. Adakah tuan-tuan yakin dengan ilmu? Atau yakin dengan mesyuarat? Inilah kadarnya. Right? Integrity dan ihsan ni, dia ada sifat yang berbentuk peribadi dan bersifat kumpulan. Okey. Saya tak nak kupas in detail, tapi maknanya cukup sekadar kalau saya kupas sesuatu dan tuan-tuan bolehlah cari ayatnya kalau nak. Atau hadis ni. Untuk setiap daripada satu ini, contoh amanah tadi kita dah rujuk. Keperluan untuk universiti itu, bukan universiti tuan-tuan sebenarnya. Apa saja letakkan di paksi tengah ini, dia akan menjurus dan keperluannya kepada yang lapan.
- 1:12:32 : Okey. Ni dia sidetrack sikit. Kalau yang rupa begini ni, kat mana lagi ada? Ni nak kait dengan cerita awal tadilah. Dia kalau dalam bahasa Melayu, dia panggil cakra lah juga. Kalau tuan-tuan pergi ke kuil-kuil Buddha, tuan-tuan akan nampak lebih kurang macam ni lah. Okey. Saya tak nak cerita agama Buddha lah. Tapi di situlah, ada, kalau tuan-tuan saya tanyalah asal-usul perkataan bodi. Bodi. Yang asal perkataannya. Samalah juga tadi kan, parameswara tu paraveswara. Sebab itulah saya kena terima kasih kepada tuan Haji, sebab nama saya Shahrin bin Sohob.
- 1:13:33 : Bukan Shahrin bin Sahib. Sebab dia "sod". Okey. Jadi, apa yang saya nak nyatakan di sini, tuan-tuan carilah di situ. Tapi ada, sebab itulah yang kita kutip untuk UiTM ini. Okey. Iaitulah hati budi. Ingat saya kata yang pendek-pendek ni semua Sanskrit. Hati budi. Akal budi. Budi pekerti. Okey. Tuan-tuan pergi tengok yang asal Buddha tu lah. Semua tu ada cerita dalam tu. Adakah itu amalan orang Melayu, sebelum dia menganut Islam, jawapannya ya.
- 1:14:11 : Okey. Dia punya resemblance, dia terang bahawa kuat. Kerana kita mengekalkan juga istilah-istilahnya. Termasuklah syurga, neraka, sembahyang, puasa. Semua bukan bahasa Quran. Tapi kita faham dan anut dia sebagai Islam. Tuan-tuan, saya gerakkan. Ada seorang lagi. Dia, kalau istilah bahasa orang putih lah, old habit die hard kan. Dah biasa kata next. Tak ada next. Okey.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Bilik Seminar, Bahagian Arkib Universiti (BARU)

6 July 2026 (Isnin), Jam 11.00 pagi

Nama Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin Bin Sahib @ Sahibuddin, FASC
Tajuk Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7
Jangka masa : 2 jam 00 minit

Transkrip:

- 1:14:47 : Jadi nak mengatakan bahawa kita baru sahaja melancarkan UiTM 2030. Ingat, bahawa sebelum ini UiTM 20, 25, kita pakai KPI. Bermula dengan gagasan UiTM 2030, kita kata tak. Kita ada KIP. Key Impact. Alhamdulillah kita kutip, waktu kita menjadi pihak yang membangunkan plan tindakan KPT, kita mencadangkan impact kepada Kementerian. Tak diterima waktu itu. Tapi baru ini ada bengkel, eh Kementerian juga dah bercakap tentang impact. Betapa pentingnya sebenarnya adalah kesan.
- 1:15:28 : Jadi di sini lah, kalau tuan-tuan tengok perubahan yang apa yang disebut application grid kat bawah tu. Mind set, scope, dan matrix. Bercerita tentang amanah. Okey. Bercerita tentang accountability. Ingat tadi ha? "Kulukum ra'i yatin, kulukum mas'ulin." Itu dua tu. Kepimpinan dan amanah dan kebertanggungjawaban. Okey? It's about leadership and accountability. Alright? So kita kena datangkan satu bentuk, yang hujung tu lah kesimpulannya, dia memerlukan barakah. Itu datang balik tadi, yang awal saya quiz tadi, berusaha dengan yakin. Tetapi apa yang diyakini, bukan usaha itu.
- 1:16:24 : Kita dah buat UiTM 2025, adakah kita yakin dengan strategic plan tu? Perlu ada keyakinan. Itu dia bahasa berbalik-balik kerana antara hibah dan riba itu, pun macam tu. Tapi terpalang niatnya, dia menjadi haram dan berdosa, begitulah juga dengan keyakinan. Terpalang dan terjatuh, jadi syirik, kadang-kadang kubrah, kadang-kadang kecil, kerana tersalah pegangan. Okey? Tuan-tuan, balik pada cerita mumayyiz, mukalaf tadi, bawa anak-anak yang kecil. Kan? Al maklumla, ni pun dah berapa hari bulan dah, gaji dah habis kot.
- 1:17:15 : Bila kita bawa anak kita yang kecil, keluarkan duit daripada ATM, apa sangkaan dia? Mesin itulah yang bagi mak dia duit. Budak yang pandai sikit dah boleh baca, dia ingat banklah bagi mak dia duit. Cerdiklah sikit, dia kata tak, UiTM yang bagi gaji. Adakah dia berhenti setakat itu? Sedangkan berumur 120 hari dalam mak kita, malaikat telah menyalin daripada luh mahfuz, ditiupkan roh dalam mak itu, tertulis rezeki kita. So jangan cakap tak ada rezeki. Boleh cakap belum rezeki.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Bilik Seminar, Bahagian Arkib Universiti (BARU)

6 July 2026 (Isnin), Jam 11.00 pagi

Nama Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin Bin Sahib @ Sahibuddin, FASC
Tajuk Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7
Jangka masa : 2 jam 00 minit

Transkrip:

- 1:18:14 : Sebab setiap satu perkara, apa saja, Allah telah tentukan rezekinya. Tuan-tuan, kalau tuan-tuan tak yakin ataupun puan-puan tak yakin, pagi-pagi tengok burung. Yang terbang pagi-pagi tu, dia ada account bank? dia ada tempat simpan biji-bijian? dia ada tabungan? Tapi bulan yang lain kita tengok dah buat sarang, bertelur pula. Banyak pula makanan yang dibawa balik untuk membesarkan anak. Sampailah anak itu besar, kalau panjang umurnya, terbanglah dia lepas tu. Pendek umurnya, mungkin mati atau tak menetas. Setiap benda ini, Allah dah tetapkan.
- 1:19:16 : Teringat nak bagi mentera tadi, salah satu amalan. Namanya ayat 7. Ramai yang angguk ni, agaknya dah beramalah. Himpunan ayat 7 ni, rajin google lah, tapi jangan salah ayat pula. Sebenarnya ayat berkaitan tentang keyakinan. Samalah juga dengan ayat, ada beberapa ayat lain. Yang Allah menyatakan bahawa maknanya, kalau Allah telah tetapkan sesuatu kebaikan, kalau ditahan oleh seluruh manusia, takkan tertahan. Kalau seluruh manusia mahukan keburukan kepada kita, Allah tak mengizinkan, tidak akan berlaku.
- 1:20:08 : Itu antara rantai 7 tu, itulah ketetapanannya. Dan rezeki manusia dan haiwan, Allah tahu kat mana. Tempat diamnya dan rezekinya. Sebab itulah kalau siapa-siapa nak ada ilmu penduduk haiwan, dalam 7 tu ada salah satu yang boleh dipakai. Pergi kat lembu, usap-usap, bisik, dia baca ayat tu. Tapi yakin masalah ni, tak yakin. Itu tadi balik kepada yakin dengan usaha ke usaha dengan yakin. Usaha dengan yakin.
- 1:20:50 : Tuan-tuan, persoalan dia, habis kat sini je kalau kita tengok waktu ni, 12.30. Soalan dia, macam mana kita nak tahu yang bawah tu ada? Prof Azhar nak pencen, kalau saya tanya lebih-lebih kan dia cari tisu. Soalan saya, berkat tak hidup tu? Okey. Soalan dia, apa tanda berkat? Tenang, tenang, tenang kan? Contoh Prof Azhar kata tenang. Ada kawan sepejabat kita kan, dia memang hari-hari tenang. Dia datang kerja pun tenang. Kan? Tuan Haji Azizi dah menjerit-jerit dah.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Bilik Seminar, Bahagian Arkib Universiti (BARU)

6 July 2026 (Isnin), Jam 11.00 pagi

Nama Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin Bin Sahib @ Sahibuddin, FASC
Tajuk Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7
Jangka masa : 2 jam 00 minit

Transkrip:

- 1:21:59 : Dah keluar cakap Melaka kan? Hawau lahabaw semua keluar lah. Dia tenang. Berkat hidup dia. Tidak menafikan bahawa ketenangan jiwa itu adalah satu ciri utama. Kenapa jiwa tenang? Kerana dia tidak bergantung harap pada makhluk mahupun usaha. Tetapi adakah dia terus berusaha? Jawapannya iya. Itu yang kena betul-betul faham tuan-tuan dalam bab akidah ahli sunnah waljamah al-maturidiyah ni. Dengan qadiyaninya, dengan qadaryahnya, dengan jabaryahnya. Kalau Tuan-Tuan tidak benar-benar faham, kita akan terjebak dalam faham itu dan hidup dengan faham itu tanpa kita sedar.
- 1:22:55 : Kalau Tuan-Tuan fahamlah tadi, dapat gaji itu sebab bank yang bagi gaji, itulah tahap kefahaman kita. Kalau setakat kita yakin, gaji itu memang UiTM yang bagi. Aku naik pangkat ni sebab Encik Amir tolong aku. Dapat jadi KP ni sebab aku ada network. Kalau itulah Tuan-Tuan yakin, tengok ada satu hadis kursi, Allah kata, kalau kita menyerah nasib kepada Allah, Allah akan uruskan manusia. Kalau kita menyerah nasib kepada manusia, Allah akan berlepas tangan.
- 1:23:38 : Bila Allah berlepas tangan, maknanya nasib kita di tangan manusia. Tuan-Tuan, elemen barakah ni, ni ayat apa ni, Everyone of you is a shepherd, it is responsible for his flock. Indeed, they are to be questioned. Nak menyatakan bahawa setiap perkara yang kita lakukan itu, kita pasti dipersoal oleh Allah Ta'ala. Nak menjawab balik kepada barakah. Dalam hadis lain tentang kemaafan amal dalam pelbagai amalan.
- 1:24:16 : Nabi kata, kalau orang tu pergi umrah, dia boleh haji kan. Allah akan ampunkan dia antara umrah ke umrah. Dalam hadis lain, Nabi akan kata, antara jumaat ke jumaat. Apa ciri utama, selagi orang tu tak buat dosa besar, hadis tu terpakai. Saya kupah pada satu hadis lain, yang Imam Nawawi letak hadis tu nombor satu dalam Kitab Arabain. Imam Bukhari dalam Kitab Sahih Bukhari, hadis tu tak ada nombor.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Bilik Seminar, Bahagian Arkib Universiti (BARU)

6 July 2026 (Isnin), Jam 11.00 pagi

Nama Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin Bin Sahib @ Sahibuddin, FASC
Tajuk Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7
Jangka masa : 2 jam 00 minit

Transkrip:

- 1:24:55 : Terlampau pentingnya, dia letakkan di muqaddimah. Hadis tu yang biasa sangat kita dengar, Innamalakmalubinniyat bakalemri'emanawa. Setiap amal itu adalah dengan niatnya dan apa yang kita dapat adalah apa yang kita niatkan. Soalan mudah. Soalan mudah. Ni dah duduk atas kerusi, dah pukul 12.30, bangun tidur. Tadi apa niatnya? Aku kena datang awal, Haji kata kalau aku tak ada kena nyanyi.
- 1:25:37 : Pagi-pagi dah sampai. Niatnya, Nawail tul Hajju. Bukanlah Umrah. Aku kerja hari ni sebab haji suruh aku kena datang awal. Pra syarat tuan-tuan, nak ceritakan Barakah tadi, dah di last slide lah. Adalah kesinambungan niat. Contoh, orang tu baru habis Jumaat, Jumaat lepas. Dia dah fikirlah Jumaat depan. Dia fikir Jumaat depan tu, Sembahyang kat masjid UiTM ke, mana sempat ni. Dia dah fikirlah, aku minggu ni sempat Al kahfi ni. Minggu depan sempat tak sempat ni. Kena 10 ayat awal je. Kita borong ambil discount lah. 10 ayat awal, 10 ayat akhir lah. Patut dia dah niat dah. Minggu ni dah. Menipu baca 10 je. Aku nak baca satu surah.
- 1:26:42 : Pukul 12.30, sejam sempat kot. Kita Al-Maklum baca merangkak kan. Maka orang yang begitu, pergi subuh, Zuhur ni kan sempat tak. Oh sempat pergi surau. Zuhur ni kan sempat tak jamaah. Orang itulah yang pergerakannya tu. Tidak putus pahalanya. Leadership tadi dengan ibadah, dengan spirituality tadi, dalam apa sekali perkara yang dia buat. Kalau tinggilah makam ni, dalam nafsu tu ada tujuh orang kata sembilan, tapi kalau orang tengok dia, orang ingat Allah Ta'ala.
- 1:27:19 : Kalau orang dengar dia cakap, orang ingat Allah Ta'ala. Itu kata tok guru saya lah. Nak menyatakan bahawa, kita ni di level mana, contoh, Dr. Yati, dah breakfast? Dah. Lepas habis breakfast, sembang apa? Tengah hari ni kan kita nak makan apa? Bukan kesinambungan niat. Minta maaf bila saya gunakan macam kasar. Tapi kesinambungan nafsu. Bangun tidur, ngantuk. Tak puas tidur malam ni, aku nak tidur awal. Pagi tadi kan, sempat sekeping roti je.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Bilik Seminar, Bahagian Arkib Universiti (BARU)

6 July 2026 (Isnin), Jam 11.00 pagi

Nama Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin Bin Sahib @ Sahibuddin, FASC
Tajuk Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7
Jangka masa : 2 jam 00 minit

Transkrip:

- 1:28:05 : Esok kena makan dua keping. Bukan salah tuan-tuan. Tetapi dalam kita, nak memastikan, divine blessing dan barakah itu, berlaku, dengan apa dia kata, absolute accountability itu, dengan amanah, maka dalam setiap perkara yang kita lakukan, maka kita akan ingat Allah Ta'ala. Dan dengan sendirinya lah, disitulah akan turun keberkatan. Dan keberkatan ni Tuan-tuan, salah satu pandangan, ni tak ada hadis khusus, tetapi saya tafsirkan kepada apa yang saya huraikan tadi, adalah, dua perkara akan selesai. Kebanyakan guru-guru akan kupas begitu.
- 1:28:48 : Urusan dunianya akan selesai, KPI akan selesai tuan-tuan. Kita, eh, nombor satu kita? Tuan-tuan, itu bahaya juga kan tuan-tuan. Jangan ujub. Haji lah kan, kita yang pertama. Eh, aku nombor satu. Dia kan pula lah. Itu ujub, penyakit hati. Sebab itulah, dalam semua perkara, dia harus disulam dengan ingatnya kepada Allah. Alhamdulillah, MashaAllah. Jawabnya Nabi Sulaiman, Haza min fadli rabbi, inilah kurniaan daripada Tuhan aku. Kenapa orang boleh kena sakit ain ni? Sebab antaranya, dia sebut tu tak ingat nama Allah. Ya Allah, Haji handsomenya awak.
- 1:29:36 : Tak pernah jumpa jejak, setampian ini. Dia dah kembang dalam tu. Apa yang didetik? Kalau tidak keluar di mulut, mesti dalam hatinya Alhamdulillah. Ingat saya kata, Nabi Sulaiman, masa dia jawab, dia jawab Haza min fadli rabbi. Inilah apa yang Allah kurniakan kepada aku. Tuan-tuan, balik secara kesimpulan, kena simpul lah. Iaitu lah dalam balik keadaan kepimpinan tadi adalah dalam 8 perkara yang diperlukan. Dalam konsep syurah, dalam konsep ilmu.
- 1:30:13 : Satu yang akhir yang saya nak sentuh sebelum saya tutup ini adalah berkaitan dengan ihsan. Tuan-tuan, ihsan ni dia terkait. Tidak ada sesuatu yang baik melainkan dipulangkan baik. Itulah hadis yang saya selalu baca tu. Sebaik baik manusia itu yang memberi manafaat kepada orang yang lain. Maka kepimpinan yang berorientasikan barakah ini, dia sentiasa, orang itu sentiasa mahu orang lain juga diberkati.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Bilik Seminar, Bahagian Arkib Universiti (BARU)

6 July 2026 (Isnin), Jam 11.00 pagi

Nama Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin Bin Sahib @ Sahibuddin, FASC
Tajuk Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7
Jangka masa : 2 jam 00 minit

Transkrip:

- 1:30:44 : Tuan-tuan, dia tidak ada dalam budaya Melayu. Saya pun sama. Kita Melayu. Tapi bila saya jumpa Arab, saya ikut budaya dia. Tapi saya sedang mendidik jiwa. Saya jumpa orang Melayu pun aku nak buat benda yang sama. Orang balik Haji, kuiz, kuiz, kuiz. Kalau Arab jumpa sama Arab, apa dia cakap? Tuan-tuan, Arab ni budaya dia mendoakan orang sangat. Dia berpisah kan? Allah selamatkan kau. Saya pun dalam anak-anak ni cerita betul kan? Bila al-Maklum lah isteri, weekend wife kan? Dia keluar lah. Tanpa memahami maksud, makna dan menyampaikan doa dengan ayat tu. "Fi amanillah."
- 1:31:58 : Fi dalam. Dalam jagaan Allah. Dalam peliharaan Allah. Jadi bila kita guna emoji ke ikon ke gif ke whatever, datangkan doa tu. Bila anak kita nak bergerak pergi kerja, puan Fazalah selalu bekalkan macam-macam makan ke anak menantu dia kan? Hati tu sebut Fi amanillah. Ya Allah, jagalah dia dalam jagaanmu Allah. Nak tambah lagi? Kau lah sebaik-baik penjaga. Itu dua-duanya Quran. Orang Arab ni jumpa barakah lafik. Betul? Semoga keberkatan Allah pada kau. Macam-macam dia sebut. Allah selamatkan kau
- 1:32:42 : Tuan-tuan, itulah yang akhir yang saya nak titip. Dalam kita mendatangkan barakah. Dalam konsep ihsan. Dalam konsep makna doa seorang saudara. Ini hadis juga sahih. Kepada saudaranya tanpa pengetahuannya akan di aminkan malaikat untuk dia. Maka dalam tim yang saya tak sempat nak ulas panjang adalah keperluan saling mendoa dan kalau kita merasakan keberkatan. Keberkatan ni tuan-tuan, dia antara sifat. Tak nak kupas panjang-panjang tapi ringkas sahaja. Itulah wujudnya sifat kana'ah dalam diri. Kana'ah puas. Cukup.
- 1:33:24 : Okay. Dan dia bukan menghalang orang itu untuk terus berusaha. Tidak. Tapi dia cukup. Dia tidak tamak. Dia dah dapat pangkat. Dia nak orang lain juga naik pangkat. Ada orang manusia ni empat jenis je. Dia dah naik pangkat. Dia nak orang lain naik pangkat. Dia dah naik pangkat. Dia tak nak orang lain naik pangkat. Dia tak naik pangkat. Dia pastikan orang lain tak naik pangkat. Dia tak naik pangkat.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Bilik Seminar, Bahagian Arkib Universiti (BARU)

6 July 2026 (Isnin), Jam 11.00 pagi

Nama Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin Bin Sahib @ Sahibuddin, FASC
Tajuk Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7
Jangka masa : 2 jam 00 minit

Transkrip:

- 1:34:00 : Dia mendoakan kawan dia naik pangkat. Kita mahluk mana? Tuan-tuan, dia berbalik kepada hati, keberkatan dan niat. Tuan-tuan, dalam kepimpinan dia merangkumi perkara yang banyak tetapi yang paling penting adalah pemanduan jiwa. Itulah yang akan memastikan keberjayaan dan apabila berlaku keberkatan. Maka ayat Wamaiyatakillah tu sampai hujung. Sangka? Tak sangka. Dapat warta baru? Tak sangka. Memang tak sangka. Saya pun tak sangka.
- 1:34:43 : Haji bawa ayat macam eeh-eeh tu kan? Macam itulah. Yeah. Tak apa. Yang saya nak menyatakan di sini hatta waktu Haji bentang dengan saya pun saya huraikan dengan dia. Baru lah Haji benar-benar merasakan bahawa benda ini adalah sesuatu yang sangat istimewa. Kerana warta itu membenarkan UiTM, bukan library. UiTM sebagai penjana pengeluar bahan-bahan bercetak untuk Braille dan tiada universiti lain. Tiada badan-badan lain yang diwartakan sebab itu dah dia makan masa setahun lebih. Dua tahun eh? Dua tahun. Tapi usaha itulah yang diharapkan dengan niat tadi nak membantu menambah bacaan untuk golongan yang tidak boleh membaca. Niatnya murni. Maka Allah beri. Dan itulah Tuan-tuan, keberkatan akan membawa pelbagai perkara yang tidak disangka. Sekian sahaja daripada saya.
- 1:35:54 : Kalau saya ada salah, saya minta maaf. Usahakan untuk mudah-mudahan dapat kita sama-sama mendapat manfaat pada majlis ini. Sekian sahaja.
- Wabila'itaufi wal'hidayah assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.
Terima kasih.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Bilik Seminar, Bahagian Arkib Universiti (BARU)

6 July 2026 (Isnin), Jam 11.00 pagi

Nama Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin Bin Sahib @ Sahibuddin, FASC
Tajuk Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7
Jangka masa : 2 jam 00 minit

Transkrip:

- 1:36:17 : Majlis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada yang berbahagia Datuk Naib Canselor atas perkongsian ilmu, pandangan dan amanat kepimpinan yang disampaikan tadi.
- Semoga intipati ceramah ini menjadi inspirasi kepada warga Jabatan Perpustakaan UiTM untuk terus memperkukuh budaya kerja berimpak tinggi, berintegriti dan berorientasikan kecemerlangan Universiti. Dengan berakhirnya sesi ceramah sebentar tadi, maka tamatlah program kepimpinan perpustakaan bagi siri yang ketujuh ini. Baiklah hadirin yang dihormati sekalian, majlis kini diteruskan dengan majlis perasmian penutupan sambutan Hari Arkib Antarabangsa 2026 peringkat UiTM.
- 1:37:08 : Bagi membuka tirai acara perasmian penutupan ini, marilah sama-sama kita saksikan tayangan montaj aktiviti sambutan Hari Arkib Antarabangsa 2026 peringkat UiTM. Sama-sama kita saksikan.
- Untuk makluman hadirin sekalian, sambutan ini melibatkan pelaknaan Dia sekejap je nampak. Nampak tak nampak kan? Baiklah untuk makluman hadirin sekalian, sambutan ini turut melibatkan pelaknaan aktiviti oleh unit Arkib Cawangan di seluruh sistem UiTM sebagai, adakah montajnya? Ok saya teruskan ya. Baiklah, pelaknaan aktiviti oleh unit Arkib Cawangan di seluruh sistem UiTM sebagai cerminan komitmen bersama jabatan perpustakaan dalam memperkukuhkan pengurusan rekod pemeliharaan Arkib dan melestarikan memori institusi universiti.
- 1:38:53 : Baiklah hadirin yang dihormati sekalian, dengan penuh hormat dan takzim majlis menjemput yang berbahagia, Datuk Naib Canselor untuk menyampaikan ucapan perasmian penutupan dan seterusnya menyempurnakan majlis perasmian penutupan sambutan hari Arkib Antarabangsa 2026 peringkat UiTM. Dengan segala hormatnya dipersilakan.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Bilik Seminar, Bahagian Arkib Universiti (BARU)

6 July 2026 (Isnin), Jam 11.00 pagi

Nama Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin Bin Sahib @ Sahibuddin, FASC
Tajuk Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7
Jangka masa : 2 jam 00 minit

Transkrip:

- 1:40:52 : Terima kasih lagi kepada Saudari PengacaraMajlis. Yang berusaha, Prof. Teknologis Dr Norazah TNCPI, Tuan Haji Azizi kenaikan yang berusaha, Encik Ahmad Amiri Selaku Pengarah bagi bahagian Arkib dan pengarah bahagian Jabatan Perpustakaan, Ketua-Ketua Perpustakaan dan Cawangan Wakil-Wakil Pusat Tanggungjawab. Penerima Anugerah dan seluruhnya warga Jabatan Perpustakaan dan hadirin yang saya hormati sekalian.
- 1:41:27 : Assalamualaikum Warahmatullahi Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani, Salam UiTM Alhamdulillah. Alhamdulillah, selamanya marilah kita sama-sama merafat setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan limpah kunia dan izin dan inayahnya juga kita dapat bersama pada tengah hari ini untuk Majlis Penutupan Sambutan Hari Arkib Antarabangsa 2026 Peringkat UiTM
- 1:41:50 : Terlebih dulu saya merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Jabatan Perpustakaan UiTM khususnya bagian Arkib Universiti atas Kejayaan menganjurkan sambutan ini dengan penuh bermakna dan penganjuran program ini mencerminkan komitmen UiTM dalam memperkukuh budaya pemeliharaan rekod, pendokumentasian sejarah dan pengurusan memori institusi secara tersusun dan berimpak.
- 1:42:12 : Tuan-Tuan tanpa bahagian Arkib ni banyak sejarah UiTM akan hilang. Antara perkara yang penting yang perlu saya rekodkan di sini juga adalah antara usaha kita mencari dokumen-dokumen asal penubuhan ITM dan Kolej Latihan RIDA. Tuan-Tuan bayangkan dalam usaha itulah kita akhirnya berhubung dengan Arkib Negara, kita mendapat minit cabutan daripada Dewan Latihan RIDA, penubuhan asal minit. Begitulah betapa pentingnya bagian Arkib dalam dia memastikan bahawa kita bergerak ke depan memastikan juga sejarah kita fahami dan memastikan juga hala tuju misi visi kita sesuai dengan apa tujuan penubuhan kita. Hari Arkib Antarabangsa memberi ruang kepada kita untuk melihat semula kepentingan Arkib bukan sekadar sebagai tempat menyimpan dokumen lama tetapi sebagai gedung memori sumber rujukan autentik dan asas kepada kesinambungan sebuah institusi selari dengan tema sambutan tahun ini iaitu lah Archive for Justice.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Bilik Seminar, Bahagian Arkib Universiti (BARU)

6 July 2026 (Isnin), Jam 11.00 pagi

Nama Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin Bin Sahib @ Sahibuddin, FASC
Tajuk Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7
Jangka masa : 2 jam 00 minit

Transkrip:

- 1:43:18 : Arkib berperanan penting sebagai sumber bukti, rujukan sahih dan memori institusi yang menyokong prinsip keadilan, ketelusan serta accountability. Dalam konteks UiTM, Arkib membawa makna yang sangat besar UiTM bukan sekadar sebuah universiti tetapi sebagai sebuah institusi perjuangan bangsa legasi pendidikan bumiputera dan ekosistem ilmu yang telah melahirkan jutaan graduan dalam pelbagai bidang.
- 1:43:39 : Setiap rekod, gambar, dokumen rasmi, penerbitan, fail pentadbiran bahan audiovisual, manuskrip laporan dan kisah kejayaan warga UiTM merupakan sebahagian daripada naratif besar universiti ini. Sekiranya bahan-bahan ini tidak dipelihara, kita bukan sahaja kehilangan dokumen, malah kehilangan sebahagian daripada memori perjuangan identiti dan jati diri UiTM sendiri. Oleh itu, usaha memperkukuh pengurusan Arkib Universiti perlu dilihat sebagai satu agenda strategik. Arkib bukan kerja sokongan semata-mata, sebaliknya menjadi asas kepada takbir urus yang baik, ketelusan pentadbiran, kelestarian ilmu dan pembinaan warisan institusi.
- 1:44:21 : Dunia hari ini sedang bergerak pantas seiring dengan transformasi digital, kecerdasan buatan data raya dan teknologi berharu. Rekod tidak sekadar wujud dalam bentuk fizikal, tetapi turut hadir dalam bentuk digital. Perubahan ini menuntut kita untuk lebih bersedia. Pengurusan Arkib tidak boleh lagi bersifat pasif, sebaliknya perlu bergerak seiring dengan perkembangan teknologi, dasar universiti dan keperluan pengguna masa kini.
- 1:44:47 : Dalam hal ini, bahagian Arkib Universiti kini berperanan sebagai pusat rujukan, pusat pendigitalan, pusat pemeliharaan warisan dan pemacu pemberdayaan ilmu universiti. Dia pemeliharaan, pemuliharaan. Dua-dua itu kena buat. Usaha pembangunan koleksi khas, pengurusan rekod universiti, pendigitalan bahan warisan, pembangunan repository institusi serta penggunaan teknologi dalam perkhidmatan perpustakaan atau selari dengan inspirasi UiTM menjadi universiti yang progresif, berdaya saing dan berteraskan ilmu.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Bilik Seminar, Bahagian Arkib Universiti (BARU)

6 July 2026 (Isnin), Jam 11.00 pagi

Nama Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin Bin Sahib @ Sahibuddin, FASC
Tajuk Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7
Jangka masa : 2 jam 00 minit

Transkrip:

1:45:22 : Insyallah saya percaya apabila Arkib dan perpustakaan bergerak secara strategik, UiTM akan memiliki kekuatan besar dalam membina naratif institusi, memperkukuh ketampakan universiti dan memastikan khazanah ilmu UiTM terus dimanfaatkan oleh generasi akan datang.

Sidang hadirin sekalian, sambutan hari Arkib Antarabangsa 2026 peringkat UiTM ini membawa mesej bahawa tanggungjawab melahirkan rekod dan warisan universiti bukan hanya terletak pada pihak Arkib atau perpustakaan semata-mata ia merupakan tanggungjawab bersama seluruh warga UiTM.

Setiap fakulti, jabatan, pusat tanggungjawab, kampus cawangan dan warga UiTM mempunyai peranan dalam memastikan rekod penting universiti diurus dengan teratur, budaya mendokumentasi, menyimpan bukti dan merakam sejarah perlu menjadi sebahagian daripada amalan kerja harian kita.

Kita tidak boleh mencipta kejayaan tanpa mendokumentasikan usaha tersebut. Kita juga tidak boleh hanya melaksanakan program untuk meraih pencapaian tanpa memastikan bukti dan naratifnya di pelahara. Inilah pentingnya kesedaran Arkib kerana setiap tindakan ini akan menjadi sejarah pada masa hadapan.

Dalam itulah, kita sedang berusaha untuk memastikan, mencari rekod-rekod dan juga naratif. Itu yang susah, contoh saya tanyalah, siapa punya idea usaha, takwa, mulia? Dia menjadi cogan kita. Tetapi pada masa yang sama kita tidak ada mempunyai bukti yang sah sebenarnya minit-minit mesyuarat, peringkat lembaga dan sebagainya.

Tapi itu identiti kita dan inilah yang perlu kita rekodkan. Termasuklah dalam sejarah logo, itu alhamdulillah kita dah jumpa orangnya, kita dah buat rakamannya, apa makna rehal itu, kitab yang bersusun dan banyak perkara lagi yang berkaitan dengan UiTM. Antara cerita yang saya sembang tempoh hari, masa hari yang angkat sumpah dengan Jabatan Canselori, bila saya dikongsikan oleh Duli Yang Amat Mulia Tuanku Sultan Selangor. Bila batu asas dirasmikan, batu asas itu telah dibakar oleh pihak-pihak tertentu.



Program

Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7

Bilik Seminar, Bahagian Arkib Universiti (BARU)

6 July 2026 (Isnin), Jam 11.00 pagi

Nama Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin Bin Sahib @ Sahibuddin, FASC
Tajuk Program Kepimpinan Perpustakaan Siri 7
Jangka masa : 2 jam 00 minit

Transkrip:

- 1:47:44 : Jadi nak menyatakan bahawa kewujudan institusi keramat ini bukan satu yang mudah melalui pelbagai ranjau rintangan. Tapi sebagian besar daripada sejarah-sejarah terkadangnya kita ini excited merekod benda-benda yang baik-baik. Tetapi kadang juga dalam bentuk halangan dan cabaran, perlu kita rekodkan bagi tujuan memastikan sejarah itu dapat dipelajari dan kesilapan yang sama tidak diulang lagi.
- 1:48:09 : Sebelum saya akhiri ucapan, saya ingin menyuruh semua warga UiTM agar bersama-sama menghargai Arkib sebagai khazanah ilmu dan warisan institusi. Akhir kalam dengan Keramat Bismillahirrahmanirrahim. Sukacitanya, saya merasmikan penutupan sambutan Hari Arkib Antarabangsa 2026, peringkat UiTM. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.